



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 36
No. 26

24hb Disember 1992

TAMBAHAN
No 14

RANG UNDANG-UNDANG

Rang Undang-undang yang berikut telah dibentangkan dalam Parlimen adalah diterbitkan untuk makluman umum:

The following Bills introduced into Parliament are published for general information:

Akta Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1992—(*Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 15hb Disember 1992*).

Securities Industry (Amendment) Act 1992—(*Presented and read a first time in the Dewan Rakyat on 15th December 1992*).

Akta Petroleum (Langkah-Langkah Keselamatan) (Pindaan) 1992—(*Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 15hb Disember 1992*).

Petroleum (Safety Measure) (Amendment) Act 1992—(*Presented and read a first time in the Dewan Rakyat on 15th December 1992*).

Akta Bekalan Gas 1992—(*Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 15hb Disember 1992*).

Gas Supply Act 1992—(*Presented and read a first time in the Dewan Rakyat on 15th December 1992*).

Akta Kemajuan Petroleum (Pindaan) 1992—(*Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 15hb Disember 1992*).

Petroleum Development (Amendment) Act 1992—(*Presented and read a first time in the Dewan Rakyat on 15th December 1992*).

Akta Kanun Acara Jenayah (Pindaan) 1992—(*Dibentangkan dan dibaca bagi kali pertama dalam Dewan Rakyat pada 23hb Disember 1992*).

Criminal Procedure Code (Amendment) Act 1992—(*Presented and read a first time in the Dewan Rakyat on 23rd December 1992*).

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Perindustrian Sekuriti 1983.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perindustrian Sekuriti (Pindaan) 1992. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

2. Seksyen 2 Akta Perindustrian Sekuriti 1983, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda, dalam subseksyen (1)— Pindaan seksyen 2. Akta 280.

(a) dengan memotong takrif "Jawatankuasa Terbitan Modal";

(b) dengan memasukkan, selepas takrif "pegawai", takrif-takrif yang berikut:

' "Pegawai Pelesen" ertinya seseorang pegawai awam yang dilantik oleh Menteri di bawah seksyen 15A;

"Pegawai Penyiasat" ertinya seseorang Pegawai Penyiasat Suruhanjaya yang dilantik di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1992;';

- (c) dalam takrif "peniaga terkecuali", dengan memotong perenggan (c);
- (d) dalam takrif "pihak berkuasa yang relevan", dengan memasukkan, sebelum perkataan "Pendaftar" dalam perenggan (b), perkataan "Pegawai Pelesen atau";
- (e) dengan menggantikan takrif "sekuriti" dengan takrif yang berikut:
 - ' "sekuriti" ertinya debentur, stok dan syer dalam sesuatu syarikat atau perbadanan awam, atau bon mana-mana kerajaan atau mana-mana pertubuhan, diperbadankan atau tak diperbadankan, dan termasuklah apa-apa hak atau opsyen berkenaan dengannya dan apa-apa kepentingan dalam skim amanah saham,;
- (f) dalam takrif "skim amanah saham", dengan menggantikan perkataan "turut serta sebagai benefisiari di bawah sesuatu amanah, atau keuntungan" dengan perkataan "turut serta, sebagai benefisiari di bawah sesuatu amanah, dalam keuntungan"; dan
- (g) dengan memasukkan, selepas takrif "skim amanah saham", takrif yang berikut:
 - ' "Suruhanjaya" ertinya Suruhanjaya Sekuriti yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1992;'

Pindaan
seksyen 7.

3. Seksyen 7 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) Seseorang yang melanggar atau tidak mematuhi peruntukan-peruntukan subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada satu juta ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada sepuluh tahun atau kedua-duanya."

4. Seksyen 8 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 8.
- (a) dalam subseksyen (3), dengan memotong perkataan ", atas nasihat Jawatankuasa Terbitan Modal, "; dan
- (b) dengan memasukkan, selepas subseksyen (3), subseksyen yang berikut:
- "(4) Menteri hendaklah melantik seorang daripada kalangan orang yang dilantik olehnya di bawah subseksyen (3) menjadi Pengerusi Eksekutif Jawatankuasa bursa saham dan gaji dan saraannya hendaklah dibayar oleh bursa saham itu."
5. Seksyen 9 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 9.
- (a) dengan menggantikan perkataan "Menteri" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Suruhanjaya"; dan
- (b) dalam subseksyen (4), dengan memotong perkataan ", selepas berunding dengan Jawatankuasa Terbitan Modal dan Jawatankuasa bursa saham,".
6. Seksyen 10 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 10.
- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "Pendaftar sebagaimana yang dikehendaki dengan munasabahnya bagi pelaksanaan fungsi dan tugasnya" dengan perkataan "Pegawai Pelesen, Pegawai Penyiasat dan Pendaftar sebagaimana yang dikehendaki dengan munasabahnya bagi pelaksanaan fungsi dan tugas mereka.";
- (b) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan, sebelum perkataan "Pendaftar", perkataan "Pegawai Pelesen, Pegawai Penyiasat dan";
- (c) dalam subseksyen (3), dengan memasukkan, sebelum perkataan "Pendaftar" perkataan "Pegawai Pelesen, Pegawai Penyiasat dan"; dan

9. Seksyen 16, 17, 18, 19, 20 dan 21 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Pendaftar" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Pegawai Pelesen". Pindaan seksyen 16, 17, 18, 19, 20 dan 21.
10. Seksyen 22 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 22.
- (a) dengan menggantikan perkataan "tidak kurang daripada lima ribu" dengan perkataan "tidak lebih daripada satu juta"; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan "satu tahun" dengan perkataan "sepuluh tahun".
11. Seksyen 23, 25, 26, 27, 28 dan 31 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Pendaftar" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Pegawai Pelesen". Pindaan seksyen 23, 25, 26, 27, 28 dan 31.
12. Seksyen 33 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, sebelum perkataan "Pendaftar" di mana-mana jua terdapat, perkataan "Suruhanjaya atau". Pindaan seksyen 33.
13. Seksyen 34 Akta ibu adalah dipinda, dalam subseksyen (1)— Pindaan seksyen 34.
- (a) dengan memasukkan, sebelum perkataan "Pendaftar", perkataan "Suruhanjaya atau"; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan "kepadanya" dengan perkataan "kepada Suruhanjaya atau Pendaftar".
14. Seksyen 35 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, sebelum perkataan "Pendaftar", perkataan "Suruhanjaya atau". Pindaan seksyen 35.
15. Seksyen 37 Akta ibu adalah dipinda, dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "Pendaftar" dengan perkataan "Pegawai Pelesen". Pindaan seksyen 37.

Pindaan
seksyen 39.

16. Seksyen 39 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam subseksyen (7), (8) dan (9), dengan memasukkan, sebelum perkataan "Pendaftar", perkataan "Suruhanjaya atau"; dan
- (b) dalam subseksyen (12)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan "tidak kurang daripada lima ribu" dengan perkataan "tidak lebih daripada satu juta"; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan "dua" dengan perkataan "sepuluh".

Pindaan
seksyen 40.

17. Seksyen 40 Akta ibu adalah dipinda, dalam subseksyen (9)—

- (a) dengan memasukkan, selepas perkataan "denda", perkataan "tidak lebih daripada satu juta ringgit"; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan "dua" dengan perkataan "sepuluh".

Pindaan
seksyen 41.

18. Seksyen 41 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dalam subseksyen (2)—
 - (i) dengan menggantikan perkataan "tidak kurang daripada lima ribu" dengan perkataan "tidak lebih daripada satu juta"; dan
 - (ii) dengan menggantikan perkataan "dua" dengan perkataan "sepuluh"; dan
- (b) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan "jangkaturun" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "pendek".

Pindaan
seksyen 43.

19. Seksyen 43 Akta ibu adalah dipinda, dalam subseksyen (5), dengan menggantikan perkataan "Pendaftar" dengan perkataan "Suruhanjaya".

20. Seksyen 44 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 44.
- (a) dengan memasukkan, selepas subseksyen (1), subseksyen yang berikut:
- "(1A) Bagi maksud perenggan (b) subseksyen (1), apa-apa cek yang dikeluarkan bagi maksud pembayaran kepada seseorang yang tidak dipungut oleh orang itu atau sebagaimana yang diarahkan oleh orang itu dalam masa lima hari perdagangan bank selepas tarikh cek itu dikeluarkan hendaklah dimasukkan ke dalam akaun amanah."; dan
- (b) dalam subseksyen (2)—
- (i) dengan menggantikan perkataan "tidak kurang daripada sepuluh ribu" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "tidak lebih daripada satu juta"; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan "dua" dengan perkataan "sepuluh".
21. Seksyen 49 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 49.
- (a) dalam subseksyen (1), dengan memasukkan, sebelum perkataan "Pendaftar", perkataan "Pegawai Pelesen atau";
- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan "Menteri" dengan perkataan "Suruhanjaya"; dan
- (c) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan "Pesuruhjaya" dengan perkataan "Pegawai Pelesen atau Pendaftar".
22. Seksyen 51 Akta ibu adalah dipinda, dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan "Menteri" dengan perkataan "Suruhanjaya". Pindaan seksyen 51.
23. Seksyen 52 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 52.
- (a) dengan menggantikan perkataan "Menteri" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Suruhanjaya";

- (b) dengan menggantikan perkataan "dia" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Suruhanjaya"; dan
- (c) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan "Kerajaan" di man'a-mana jua terdapat dengan perkataan "Suruhanjaya".
- Pindaan seksyen 53. 24. Seksyen 53 Akta ibu adalah dipinda—
- (a) dengan menggantikan perkataan "Menteri" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Suruhanjaya"; dan
- (b) dalam subseksyen (4), dengan menggantikan perkataan "dia" dengan perkataan "Suruhanjaya".
- Pindaan seksyen 54. 25. Seksyen 54 Akta ibu adalah dipinda—
- (a) dengan menggantikan perkataan "Menteri" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Suruhanjaya"; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan "dia dilantik itu," dengan perkataan "juruaudit, orang atau badan itu dilantik,".
- Pindaan seksyen 55 dan 56. 26. Seksyen 55 dan 56 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Menteri" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Suruhanjaya".
- Pindaan seksyen 57. 27. Seksyen 57 Akta ibu adalah dipinda—
- (a) dalam subseksyen (1) dan (2), dengan menggantikan perkataan "Menteri" dengan perkataan "Suruhanjaya"; dan
- (b) dalam subseksyen (3)—
- (i) dengan memasukkan, selepas perkataan "denda", perkataan "tidak lebih daripada lima ratus ribu ringgit"; dan
- (ii) dengan menggantikan perkataan "dua" dengan perkataan "lima".

28. Seksyen 58 Akta ibu adalah dipinda, dalam subseksyen (1)— Pindaan seksyen 58.
- (a) dengan menggantikan perkataan "tidak kurang daripada sepuluh ribu" dengan perkataan "tidak lebih daripada satu juta"; dan
 - (b) dengan menggantikan perkataan "dua" dengan perkataan "sepuluh".
29. Seksyen 68 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 68.
- (a) dalam subseksyen (1) dan (4) dengan menggantikan perkataan "Menteri" dengan perkataan "Suruhanjaya"; dan
 - (b) dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan "Pendaftar" dengan perkataan "Suruhanjaya".
30. Seksyen 69 Akta ibu adalah dipinda, dalam subseksyen (3), dengan menggantikan perkataan "Menteri" dengan perkataan "Suruhanjaya". Pindaan seksyen 69.
31. Seksyen 72 Akta ibu adalah dipinda, dalam subseksyen (3) dan (4), dengan menggantikan perkataan "Pendaftar" dengan perkataan "Suruhanjaya". Pindaan seksyen 72.
32. Seksyen 91 Akta ibu adalah dipinda— Pindaan seksyen 91.
- (a) dengan menggantikan perkataan "lima puluh ribu" dengan perkataan "satu juta"; dan
 - (b) dengan menggantikan perkataan "tujuh" dengan perkataan "sepuluh".
33. Seksyen 92 Akta ibu adalah dipinda, dalam subseksyen (2)— Pindaan seksyen 92.
- (a) dengan menggantikan perkataan "lima puluh ribu" dengan perkataan "satu juta"; dan
 - (b) dengan menggantikan perkataan "tujuh" dengan perkataan "sepuluh".

- Pindaan seksyen 96. 34. Seksyen 96 Akta ibu adalah dipinda, dalam subseksyen (1), (2) dan (3)—
- (a) dengan memasukkan, selepas perkataan "denda", perkataan "tidak lebih daripada satu juta ringgit"; dan
 - (b) dengan menggantikan perkataan "satu tahun" dengan perkataan "sepuluh tahun".
- Pindaan seksyen 97. 35. Seksyen 97 Akta ibu adalah dipinda, dalam subseksyen (2)—
- (a) dengan menggantikan perkataan "lima ribu" dengan perkataan "satu juta"; dan
 - (b) dengan menggantikan perkataan "satu tahun" dengan perkataan "sepuluh tahun".
- Pindaan seksyen 98. 36. Seksyen 98 Akta ibu adalah dipinda, dalam subseksyen (4)—
- (a) dengan menggantikan perkataan "tidak kurang daripada lima ribu" dengan perkataan "tidak lebih daripada satu juta"; dan
 - (b) dengan menggantikan perkataan "satu tahun" dengan perkataan "sepuluh tahun".
- Pindaan seksyen 100. 37. Seksyen 100 Akta ibu adalah dipinda, dalam subseksyen (5)—
- (a) dengan memasukkan, selepas perkataan "denda", perkataan "tidak lebih daripada satu juta ringgit"; dan
 - (b) dengan menggantikan perkataan "satu tahun" dengan perkataan "sepuluh tahun".
- Pemansuhan Penggal 2 Bahagian X. 38. Akta ibu adalah dipinda dengan memansuhkan Penggal 2 Bahagian X.
- Pindaan seksyen 123. 39. Seksyen 123 Akta ibu adalah dipinda—
- (a) dengan memasukkan, selepas perkataan "lima", perkataan "ratus"; dan

(b) dengan menggantikan perkataan "satu tahun" dengan perkataan "lima tahun".

40. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 124 dengan seksyen yang berikut: Pindaan seksyen 124.

"Pengkompaunan kesalahan. 124. (1) Pegawai Pelesen boleh mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Bahagian IV, V atau VII dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang itu untuk mengkompaun kesalahan itu jika orang itu membayar kepada Pegawai Pelesen apa-apa jumlah wang dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan, dan jika amaun yang ditentukan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang ditentukan dalam tawaran itu, atau apa-apa perlanjutan tempoh itu yang diberikan oleh Pegawai Pelesen, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(3) Jika sesuatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah subseksyen (1), maka tiada pendakwaan boleh selepas itu dimulakan berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun kesalahan itu dibuat."

41. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 126 dengan seksyen yang berikut: Pindaan seksyen 126.

"Penjalanan pendakwaan. 126. (1) Tiada pendakwaan bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta ini boleh dimulakan kecuali dengan keizinan bertulis daripada Pendakwa Raya.

(2) Pendakwaan bagi mana-mana kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Akta ini boleh dijalankan oleh Pendaftar atau oleh mana-mana pegawai yang diberikuasa secara bertulis oleh Pendaftar atau oleh mana-mana pegawai yang diberikuasa secara bertulis oleh Pengerusi Suruhanjaya."

Kecualian. 42. Walau apa pun pindaan kepada Bahagian IV Akta ibu—

(a) tiap-tiap permohonan di bawah Bahagian itu yang belum selesai pada tarikh Akta ini mula berkuatkuasa hendaklah terus diuruskan oleh Pendaftar; dan

(b) apa-apa prosiding atau kausa tindakan oleh atau terhadap Pendaftar yang belum selesai atau yang ada pada tarikh Akta ini mula berkuatkuasa berkenaan dengan kuasa-kuasanya di bawah Bahagian itu boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Pendaftar,

seolah-olah Akta ini telah tidak diperbuat.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Perindustrian Sekuriti 1983, kemudian daripada ini disebut "Akta", dan sebutan-sebutan dalam Huraian ini mengenai "seksyen", "subseksyen" atau "perenggan" ialah masing-masingnya sebutan mengenai seksyen, subseksyen atau perenggan dalam Akta itu.

2. *Fasal 1* memperkatakan tarikh mula berkuatkuasa Rang Undang-Undang ini.

3. *Fasal 2* bertujuan meminda subseksyen 2(1) yang mengandungi takrif perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Akta. Pemotongan perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan dan pemasukan perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan baru adalah berbangkit daripada penubuhan Suruhanjaya Sekuriti di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1992.

4. *Fasal 3* bertujuan menambah penalti bagi kesalahan di bawah seksyen 7.

5. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 8 untuk member Menteri kuasa untuk melantik Pengerusi Eksekutif jawatankuasa bursa saham.
6. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 9 untuk memindahkan kuasa Menteri di bawah seksyen itu kepada Suruhanjaya.
7. *Fasal 6* bertujuan meminda seksyen 10 untuk memberi Pegawai Pelesen dan Pegawai Penyiasat Suruhanjaya kuasa untuk melaksanakan fungsi-fungsi dan tugas-tugas mereka. *Fasal* ini juga bertujuan menambah penalti bagi kesalahan di bawah seksyen 10.
8. *Fasal 7* bertujuan meminda seksyen 11 Pindaan yang dicadangkan bertujuan memberi bursa saham kuasa untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana orang kerana tidak mematuhi kaedah-kaedah atau kehendak-kehendak penyenaraian.
9. *Fasal 8* bertujuan memasukkan seksyen baru 15A yang memberi Menteri kuasa untuk melantik Pegawai Pelesen yang akan bertanggungjawab bagi perkara-perkara yang berhubungan dengan pelesenan di bawah Akta. Perkara-perkara itu sekarang ini menjadi tanggungjawab Pendaftar Syarikat.
10. *Fasal 9* bertujuan meminda seksyen 16, 17, 18, 19, 20 dan 21. Pindaan itu adalah berbangkit daripada kemasukan seksyen baru 15A.
11. *Fasal 10* bertujuan menambah penalti bagi kesalahan di bawah seksyen 22.
12. *Fasal 11* bertujuan meminda seksyen 23, 25, 26, 27, 28 dan 31. Pindaan ini adalah berbangkit daripada kemasukan seksyen baru 15A
13. *Fasal 12, 13 dan 14* bertujuan meminda seksyen 33, 34 dan 35 untuk memberi Suruhanjaya kuasa-kuasa tertentu di bawah Akta.
14. *Fasal 15* bertujuan meminda seksyen 37. Pindaan ini adalah berbangkit daripada kemasukan seksyen baru 15A.
15. *Fasal 16, 17 dan 18* bertujuan meminda seksyen 39, 40 dan 41. Pindaan ini bertujuan menambah penalti di bawah seksyen-seksyen itu.
16. *Fasal 19* bertujuan meminda seksyen 43 untuk menggantikan perkataan "Pendaftar" dengan perkataan "Suruhanjaya".
17. *Fasal 20* bertujuan memasukkan subseksyen baru (1A) ke dalam seksyen 44. Subseksyen ini memperuntukkan bahawa apa-apa cek yang dikeluarkan tetapi tidak dikutip dalam masa lima hari

perdagangan bank selepas tarikh cek itu dikeluarkan hendaklah dimasukkan ke dalam akaun amanah. Pindaan ini juga bertujuan untuk menambah penalti bagi kesalahan yang dilakukan di bawah seksyen itu.

18. *Fasal 21, 22, 23, 24, 25, 26 dan 27* bertujuan meminda seksyen 49, 51, 52, 53, 54, 55, 56 dan 57. Pindaan ini adalah berbangkit daripada penubuhan Suruhanjaya yang dengannya tugas-tugas Menteri di bawah pelbagai seksyen dipindahkan kepada Suruhanjaya. Pindaan ini juga adalah berbangkit daripada memasukkan seksyen baru 15A.

19. *Fasal 28* bertujuan menambah penalti bagi kesalahan di bawah seksyen 58.

20. *Fasal 29, 30 dan 31* bertujuan meminda seksyen 68, 69 dan 72. Pindaan ini adalah berbangkit daripada penubuhan Suruhanjaya yang dengannya kuasa-kuasa Menteri dan Pendaftar di bawah seksyen-seksyen itu dipindahkan kepada Suruhanjaya.

21. *Fasal 32, 33, 34, 35, 36 dan 37* bertujuan menambah penalti bagi kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 91, 92, 96, 97, 98 dan 100.

22. *Fasal 38* bertujuan memansuhkan keseluruhan Penggal 2 Bahagian X. Dengan penubuhan Suruhanjaya, pelbagai kuasa Menteri di bawah Penggal itu tidaklah lagi perlu.

23. *Fasal 39* bertujuan menambah penalti bagi kesalahan di bawah seksyen 123.

24. *Fasal 40* bertujuan memasukkan seksyen baru 124 untuk membolehkan Pegawai Pelesen mengkompaun kesalahan-kesalahan tertentu terhadap Akta.

25. *Fasal 41* bertujuan memasukkan seksyen baru 126, berhubung dengan penjalanan pendakwaan.

26. *Fasal 42* mengandungi peruntukan kecualian yang berhubung dengan pindaan Bahagian IV Akta.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1738.]